

**KEBERKESANAN KADEAH PEMBELAJARAN DALAM TALIAN
KE ATAS KURSUS TERPILIH BAGI KOMPONEN KESENIAN DAN
KEBUDAYAAN PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMAJUAN PELAJAR,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

*EFFECTIVENESS OF ONLINE LEARNING, METHODS ON SELETED COURSES
FOR ART AND CULTURE COMPONENT, CENTER FOR CO-CURRICULUM
AND STUDENT DEVELOPMENT, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH*

¹Victor B. Pangayan

²Jurry Foo @ Jurry F. Michael

³Colonius Atang

¹Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),

Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

^{2&3}Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP),

Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

victorpangayan@ums.edu.my; jurryfm@ums.edu.my; colonius@ums.edu.my

Tarikh diterima: 20 November 2021 / Tarikh dihantar: 20 Disember 2021

ABSTRAK

Susulan penularan wabak COVID-19, institusi pendidikan termasuk Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuat penyelarasan kurikulum mereka. Pendidikan secara dalam talian adalah kaedah utama penyampaian kurikulum bagi komponen Kesenian dan Kebudayaan dalam Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga ke Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN). Selepas lapan minggu pembelajaran dalam talian diadakan, tinjauan persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran khususnya komponen Kesenian dan Kebudayaan ini telah dijalankan. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pengalaman baharu pelajar dengan pembelajaran dalam talian dan daya maju pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi komponen Kesenian dan Kebudayaan, Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar. Matlamat kajian ini dapat dicapai dengan meneliti respons daripada 226 pelajar terhadap soal selidik berasaskan kaedah tinjauan. Maklum balas pelajar dalam bentuk skala Likert dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar berpuas hati dengan pembelajaran dalam talian yang berterusan kerana mereka menikmati akses berterusan ke atas bahan dalam talian, fleksibiliti untuk belajar mengikut keupayaan mereka sendiri, suasana yang selesa dan keupayaan untuk bercakap dengan bebas. Namun, masalah teknikal dan isu peralatan merupakan halangan yang ketara ke atas pembelajaran bidang Kesenian dan Kebudayaan dalam talian semasa pandemik COVID-19. Pembelajaran dalam talian adalah diterima baik oleh pelajar yang mendaftar dalam komponen Kebudayaan dan Kesenian. Namun, penyepaduan pembelajaran dalam

talian terhadap kurikulum bidang Kesenian dan Kebudayaan memerlukan strategi yang lebih baik dan pendekatan yang lebih proaktif.

Kata kunci: Pembelajaran dalam talian, Komponen Kebudayaan dan Kesenian, Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, cabaran pembelajaran, pandemik COVID-19.

ABSTRACT

Following the COVID-19 outbreak, educational institutions, particularly the Center for Co-curriculum and Student Development (PKPP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), have made adjustments to their curriculum. Online education is the primary means of delivering the Art and Culture components curriculums in this Movement Control Command Phase (MCO). After eight weeks of online learning, a survey of students' perceptions of this method of instruction in the Art and Culture components was conducted. The purpose of this study was to evaluate students' new experiences with online learning and the viability of online learning approaches for the Art and Culture component, Center for Co-curriculum and Student Development. This objective was accomplished by examining the responses of 226 students to a survey-based questionnaire. Student feedback in the form of a Likert scale was analysed using descriptive statistical methods. The study's findings indicate that the majority of students are content with continued online learning because they enjoy continuous access to online materials, the flexibility to learn at their own speed, a comfortable setting, and the capacity to speak freely. However, technical difficulties and equipment issues are significant impediments to and consequences of online Art and Culture learning during COVID-19. Online education is well-received by students enrolled in the Art and Culture component, co-curricular activities, and the Student Development Center. Yet, integrating online learning successfully into the curriculum demands improved strategies and a more proactive approach.

Keywords: Online learning, Art and Culture component, Center for Co-Curriculum and Student Development, learning challenges, COVID-19 pandemic.

PENGENALAN

Pandemik yang menggegarkan dunia sejak Mac 2020 hingga kini telah merekodkan sebanyak 5.3 juta kes kematian di seluruh dunia (World Health Organization, 2021). Perkara ini telah menyebabkan Kerajaan Malaysia melaksanakan tiga siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 hingga Mei 2021 yang memberi impak besar kepada pelbagai sektor di Malaysia yang merangkumi sosial, ekonomi, politik dan tidak terkecuali pendidikan (Talha, 2020). Ekoran daripada pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang berangkai secara tidak langsung memangkin kepada evolusi metode pengajaran

dan pembelajaran di semua lapisan, termasuk di peringkat pengajian tinggi iaitu daripada kaedah konvensional kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Pangayan, 2021). Fenomena ini juga turut dialami oleh Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah.

PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMAJUAN PELAJAR

Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah ditubuhkan pada 1 Jun 2002 dengan bertunjangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan ingin melahirkan mahasiswa yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan spiritual pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cekal menghadapi cabaran (PKPP, 2012). Bagi mencapai matlamat tersebut, PKPP telah menggariskan tiga visi dan misinya, iaitu (i) mengaktifkan minat pelajar membangunkan minda cemerlang dengan mengasah bakat dan potensi pelajar melalui kegiatan kemahasiswaan yang bersifat *outreach* bagi tujuan membangunkan daya kemahiran insaniah, kepimpinan dan keterampilan pelajar, (ii) melahirkan pemimpin masa depan yang berketerampilan dan berkeyakinan dan menggilap potensi pelajar dalam bidang sukan dan seni melalui kursus yang berkaitan, (iii) membentuk dan membangunkan jati diri pelajar UMS sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai nilai patriotisme yang unggul, nilai ketahanan diri yang tinggi, berperibadi mulia dan bersahsiah tinggi serta mempunyai kasih sayang sejagat (PKPP, 2015).

PKPP menawarkan kursus kokurikulum berkredit yang melayakkan pelajar untuk bergraduasi (Foo, 2021). Pada dasarnya, PKPP mengutamakan penerapan nilai kemahiran insaniah berdasarkan kemahiran bidang kursus yang ditawarkan. Terdapat enam komponen utama kursus yang ditawarkan oleh PKPP, iaitu komponen kepimpinan dan kemasyarakatan, sukan dan rekreasi, badan penyelamat dan unit beruniform, bisnes, agrotek dan teknologi, waja diri, serta kesenian dan kebudayaan. Bagi kursus yang berada di bawah komponen badan penyelamat dan unit beruniform, terdapat beberapa kursus yang menawarkan 1 jam kredit iaitu PALAPES, SUKSIS dan gugusan Siswa Jati diri (UMS-SEJATI) yang ditawarkan sebanyak tiga hingga enam semester. Kursus yang berada dalam komponen yang lain ditawarkan satu semester sahaja dan mengandungi dua hingga tiga jam kredit pembelajaran, termasuk kursus komponen kesenian dan kebudayaan.

KOMPONEN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Komponen Kesenian dan Kebudayaan, PKPP menawarkan kursus kesenian sebagai kemahiran bidang utama dalam menerapkan kemahiran insaniah pelajar. Bagi semester 1 sesi 2021/2022, komponen kesenian dan kebudayaan menawarkan lima kursus iaitu EA01703 Tarian Sabah dan EA00503 Lukisan dan Catan, yang masing-masing dibahagikan kepada dua seksyen. EA01803 Seni Khat, EA02003 Rekacipta Alat Muzik Bambu dan EA00703 Muzik Moden. Kesemua kursus ini dijalankan sepenuhnya secara dalam talian, selaras dengan takwim akademik yang dikeluarkan oleh PKPP pada 1 Oktober 2021. Walau bagaimanapun, kemahiran bidang yang ditawarkan oleh kursus di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan yang memerlukan sesi praktikal ini perlu dilihat keberkesanannya agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan cemerlang. Oleh itu, tinjauan ke atas pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian ke atas kursus-kursus yang ditawarkan dalam Komponen Kesenian dan Kebudayaan dijalankan.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini melibatkan seramai 226 orang pelajar PKPP di UMS yang mengambil kursus kokurikulum berkredit di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan iaitu EA01703 Tarian Sabah dan EA00503 Lukisan dan Catan yang masing-masing dibahagikan kepada dua seksyen. EA01803 Seni Khat, EA02003 Rekacipta Alat Muzik Bambu dan EA00703 Muzik Moden. Kaedah soal selidik melalui Google form digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan kajian ini. Keselesaan pelajar dalam pembelajaran dalam talian diukur melalui enam faktor dalam soal selidik: 1) Keberkesanannya diri; 2) Galakan; 3) Persekuturan pembelajaran interaktif; 4) Kepuasan; 5) Kebergunaan dan 6) Kaedah penghantaran dalam talian. Sebanyak 26 item soalan dan setiap soalan yang dikemukakan pada pernyataan adalah berasaskan skala Likert lima mata daripada jawapan “Sangat Tidak Setuju” hingga “Sangat Setuju”. “Sangat Setuju” dan “Setuju” digabungkan untuk membuat satu respons positif, iaitu “Setuju”. Pendekatan yang sama diikuti dalam kedua-dua tahap respons “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” yang menunjukkan pendapat yang berimpak rendah terhadap pembelajaran dalam talian. Semua pelajar telah dimaklumkan tujuan kajian ini dan bersetuju untuk mengambil bahagian secara sukarela. Setiap pelajar diberi satu peluang untuk melengkapkan borang soal selidik berikut. Hasil dapatan kajian akan diterangkan menggunakan statistik deskriptif (taburan kekerapan dan peratusan).

DAPATAN KAJIAN

i) Keberkesanan diri

Para pelajar telah menyatakan persepsi dan keupayaan mereka sendiri terhadap kursus secara dalam talian (Jadual 1). Maklum balas yang diterima (14.6 peratus sangat setuju, 45.6 peratus setuju dan 34.1 peratus setuju sebahagian) menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai keyakinan menggunakan sistem pembelajaran dalam talian terhadap kursus ini. Sebanyak 96.9 peratus pelajar telah menunjukkan keyakinan terhadap pengendalian fungsi pembelajaran secara dalam talian dan 96.0 peratus menunjukkan keyakinan tinggi mereka untuk mempelajari kandungan pembelajaran dalam talian. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar selesa dan berkeyakinan tinggi menggunakan sistem pembelajaran secara dalam talian. Dapatkan ini selaras dengan pandangan Lilian *et al.* (2021) bahawa majoriti pelajar yang mempunyai tanggapan yang menggalakkan terhadap pembelajaran dalam talian adalah pelajar yang kerap menggunakan pembelajaran digital.

Jadual 1 Keberkesanan diri pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian

| Bil. | Item Keberkesanan Diri | SS | S | CS | TS | STS |
|------|---|-------|-------|-------|------|------|
| 1. | Saya berasa yakin menggunakan sistem pembelajaran dalam talian sepanjang kursus ini | 14.6% | 45.6% | 34.1% | 4.9% | 0.9% |
| 2. | Saya berasa yakin untuk mengakses sistem pembelajaran dalam talian | 50.4% | 17.3% | 29.2% | 2.2% | 0.9% |
| 3. | Saya berasa yakin menggunakan sistem talian untuk meningkatkan pembelajaran saya | 13.3% | 42.0% | 33.6% | 9.3% | 1.8% |
| 4. | Saya berasa yakin memuat naik tugas dan memuat turun kandungan pembelajaran | 22.1% | 49.6% | 24.3% | 2.2% | 1.8% |

ii) Galakan

Merujuk kepada Jadual 2, kajian mendapati semua pelajar bersetuju bahawa “Melalui pembelajaran dalam talian, saya berani meminta bantuan daripada jurulatih dalam talian” (15.5 peratus sangat bersetuju dan 46.5 peratus bersetuju). Hal ini menunjukkan bahawa kursus yang dijalankan dalam talian meningkatkan semangat bantu-membantu sesama pelajar dalam talian (29.6 peratus sangat

setuju dan 48.2 peratus bersetuju). Tambahan lagi, majoriti pelajar mempunyai persepsi yang positif bahawa penilaian kursus yang dijalankan dalam talian adalah lebih memudahkan pelajar (22.1 peratus sangat tidak setuju dan 46.5 peratus bersetuju). Angka ini jelas menunjukkan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian ke atas kursus Komponen Kesenian dan Kebudayaan secara dalam talian adalah menggalakkan pengalaman pembelajaran mereka semasa pandemik dan membolehkan pelajar untuk belajar dan berinteraksi mengikut kadar mereka sendiri.

Jadual 2 Galakan pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian

| Bil. | Item Galakan | SS | S | CS | TS | STS |
|------|---|-------|-------|-------|------|------|
| 1. | Melalui talian, saya berani meminta bantuan daripada jurulatih dalam talian | 15.5% | 46.5% | 31.4% | 4.9% | 1.8% |
| 2. | Melalui talian, saya berani meminta bantuan daripada rakan-rakan dalam talian | 29.6% | 48.2% | 18.1% | 3.1% | 0.9% |
| 3. | Saya berasa berani untuk menyiarkan ulasan di papan perbincangan dalam platform talian seperti Google Meet, Webex dan lain-lain | 15.5% | 46.0% | 30.5% | 6.6% | 1.3% |
| 4. | Dengan sistem talian, saya yakin untuk mengambil ujian atau kuiz dalam talian untuk kursus ini | 22.1% | 46.5% | 25.2% | 4.9% | 1.3% |

iii) Persekutaran pembelajaran interaktif

Penerimaan yang baik terhadap penggunaan teknologi ditunjukkan oleh pelajar dalam aktiviti pembelajaran interaktif dan kursus dalam talian (Jadual 3). Maklumat ini menunjukkan secara purata bahawa pelajar bersikap positif dan mempunyai motivasi yang menggalakkan terhadap e-pembelajaran bagi kursus yang sedang diikuti (23.5 peratus sangat setuju dan 43.4 peratus setuju). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar universiti mempunyai penerimaan yang baik terhadap pembelajaran dengan teknologi dan secara interaktif menerusi talian. Di samping itu, pelajar (14.2 peratus sangat setuju dan 41.6 peratus setuju) juga mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kaedah interaktif dalam talian dan mampu meningkatkan pembinaan pengetahuan mereka. Penerimaan yang sangat baik dalam kalangan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran interaktif membuktikan bahawa pelajar universiti tidak asing lagi dengan kaedah pembelajaran melalui teknologi, penggunaan teknologi dalam tugas kursus

mereka, dan pengalaman yang baik dalam penggunaan aplikasi dan perkakasan teknologi. Di samping itu, pembelajaran secara dalam talian juga boleh menggalakkan pembelajaran autonomi dan dihubungkaitkan kepada penglibatan pelajar semasa dalam kelas secara dalam talian.

Jadual 3 Persekitaran pembelajaran interaktif terhadap pembelajaran secara dalam talian

| Bil. | Item Persekitaran Pembelajaran Interaktif | SS | S | CS | TS | STS |
|------|---|-------|-------|-------|-------|------|
| 1. | Saya berpuas hati menggunakan pembelajaran talian sebagai alat bantuan pembelajaran untuk kursus saya | 13.7% | 28.3% | 43.4% | 11.9% | 2.7% |
| 2. | Saya berpuas hati menggunakan platform pembelajaran dalam talian seperti SMARTV3 | 13.7% | 27.4% | 45.1% | 11.5% | 2.2% |
| 3. | Saya berpuas hati dengan pembelajaran melalui arahan dalam talian | 23.5% | 43.4% | 26.1% | 6.2% | 0.9% |
| 4. | Saya berpuas hati dengan fungsi pembelajaran dalam talian interaktif | 14.2% | 41.6% | 39.8% | 3.1% | 1.3% |

iv) Kepuasan

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, kadar kepuasan pelajar adalah tinggi (16.8 peratus sangat setuju dan 44.7 peratus bersetuju) dalam menggunakan pembelajaran dalam talian sebagai bahan bantu belajar; pelajar bersetuju menggunakan SMARTV3 sebagai platform pembelajaran dalam talian (29.6 peratus pelajar sangat bersetuju dan 47.8 peratus bersetuju); dan pembelajaran melalui arahan dalam talian adalah memudahkan mereka (16.8 peratus sangat setuju dan 44.7 peratus setuju). Secara keseluruhannya, data kajian menunjukkan bahawa kepuasan pelajar berkenaan kaedah pembelajaran dalam talian adalah tinggi dan menggalakkan. Hal ini juga menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian akan memberi kesan yang baik terhadap kepuasan mereka khususnya terhadap kursus kokurikulum di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan yang mereka ambil.

Jadual 4 Kepuasan pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian

| Bil. | Item Kepuasan Pelajar | SS | S | CS | TS | STS |
|------|---|-------|-------|-------|------|------|
| 1. | Saya berpuas hati menggunakan pembelajaran talian sebagai alat bantuan pembelajaran untuk kursus saya | 16.8% | 44.7% | 33.2% | 4.4% | 0.9% |
| 2. | Saya berpuas hati menggunakan platform pembelajaran dalam talian seperti SMARTV3 | 29.6% | 47.8% | 21.2% | 0.9% | 0.4% |
| 3. | Saya berpuas hati dengan pembelajaran melalui arahan dalam talian | 16.8% | 44.7% | 35.0% | 2.2% | 1.3% |
| 4. | Saya berpuas hati dengan fungsi pembelajaran dalam talian interaktif | 14.6% | 47.3% | 33.6% | 3.1% | 1.3% |

v) Kebergunaan

Berdasarkan Jadual 5, pelajar juga menyatakan pandangan yang baik terhadap mod pembelajaran dalam talian yang bermanfaat untuk perkembangan ilmu pengetahuan mereka. Keberkesanan pembelajaran dalam talian sebagai alat bantu dalam pembelajaran kursus yang diambil mencatatkan peratusan tertinggi (13.7 peratus sangat setuju dan 39.4 peratus setuju), diikuti dengan pemahaman topik kursus di bawah komponen Kesenian dan Kebudayaan untuk menggalakkan pelajar dalam bidang pengajian lain. Selaras dengan sikap mereka yang menggalakkan penggunaan pendekatan pembelajaran dalam talian bagi kursus kokurikulum di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan pada masa hadapan (12.8 peratus sangat setuju dan 36.3 peratus setuju) boleh membantu pelajar belajar dengan lebih bebas dan fleksibel dengan melibatkan mereka dalam aktiviti kolaboratif. Mereka juga menyatakan hasrat mengesyorkan penggunaan perkhidmatan pembelajaran dalam talian untuk kursus PKPP bagi pelajar yang akan datang (11.5 peratus sangat setuju dan 30.5 peratus setuju). Hal ini juga menunjukkan kaedah pembelajaran teradun (*blended learning*) boleh dilaksanakan pada masa depan bagi menghasilkan pemerolehan pengetahuan yang lebih baik bagi pelajar yang mengambil kursus kokurikulum di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan pada masa hadapan.

Jadual 5 Kebergunaan pembelajaran secara dalam talian

| Bil. | Item Kebergunaan dalam Pembelajaran Talian | SS | S | CS | TS | STS |
|------|--|-------|-------|-------|------|------|
| 1. | Saya percaya sistem pembelajaran talian adalah alat pembelajaran yang berguna untuk kursus ini | 13.7% | 39.4% | 35.4% | 8.8% | 2.7% |
| 2. | Saya percaya menggunakan pembelajaran talian adalah berkesan untuk pembelajaran kursus ini | 12.4% | 37.6% | 41.2% | 7.1% | 1.8% |
| 3. | Saya berhasrat untuk menggunakan pembelajaran talian untuk membantu pembelajaran saya pada masa hadapan | 12.8% | 36.3% | 39.4% | 8.4% | 3.1% |
| 4. | Saya bercadang untuk mengesyorkan penggunaan pembelajaran talian untuk kursus ini untuk pelajar yang akan datang | 11.5% | 30.5% | 46.0% | 8.8% | 3.1% |

vi) Kaedah penghantaran tugas dalam talian

Aspek kaedah penghantaran tugas dalam talian jelas menunjukkan bahawa pelajar seronok mengikuti kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian ke atas kursus yang mereka ambil (15.9 peratus sangat setuju dan 36.7 peratus setuju). Daripada 227 responden, majoriti menyatakan bahawa mod pembelajaran dalam talian membolehkan mereka meneruskan pengajian tanpa mengira lokasi kediaman (20.3 peratus sangat setuju dan 39.2 peratus setuju) dan memberi mereka fleksibiliti dalam memilih gaya pembelajaran mereka sendiri (15.0 peratus sangat setuju dan 37.2 peratus setuju). Berdasarkan dapatan kajian (Jadual 6), pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian mendapat sambutan yang sangat baik dengan peratusan tahap penerimaan yang tinggi dalam kalangan pelajar. Pelajar berasa yakin dengan keupayaan mereka untuk belajar kursus komponen Kesenian dan Kebudayaan secara dalam talian dengan memiliki kemahiran untuk mengendalikan platform pembelajaran dalam talian seperti SMARTV3, Google Meet, Padlet dan Webex. Hal ini juga menunjukkan pengalaman yang positif terhadap keupayaan mereka untuk belajar dalam talian, kursus kokurikulum di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan dilaksanakan dala talian dilihat sebagai lebih bermanfaat dan menyeluruh.

Jadual 6 Kebergunaan pembelajaran secara dalam talian

| Bil. | Item Kebergunaan dalam Pembelajaran Talian | SS | S | CS | TS | STS |
|------|--|-------|-------|-------|-------|------|
| 1. | Saya seronok belajar daripada pelajaran berasaskan dalam talian | 15.9% | 36.7% | 42.0% | 3.5% | 1.8% |
| 2. | Pembelajaran dalam talian membolehkan saya mengawal rentak pembelajaran saya | 15.0% | 37.2% | 36.3% | 10.2% | 1.3% |
| 3. | Pembelajaran dalam talian membolehkan saya kurang perlu ke kampus | 27.9% | 42.0% | 23.0% | 4.9% | 2.2% |
| 4. | Saya merasakan fleksibiliti lokasi kajian | 20.3% | 39.2% | 34.2% | 5.9% | 0.5% |
| 5. | Pembelajaran melalui dalam talian boleh meningkatkan disiplin diri saya | 15.9% | 37.6% | 35.0% | 8.4% | 3.1% |

KESIMPULAN

Berdasarkan situasi semasa iaitu penyesuaian untuk hidup bersama wabak COVID-19 dan norma baharu dalam sistem pendidikan khususnya di PKPP, UMS, kajian ini mengkaji persepsi pelajar universiti, terutamanya pelajar yang mengambil kursus kokurikulum di bawah Komponen Kesenian dan Kebudayaan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian adalah berjaya dan pelajar masih boleh belajar dan menyesuaikan diri serta melaksanakan prosedur pembelajaran dalam talian secara berkesan. Teknologi pembelajaran dalam talian memudahkan ketersediaan maklumat, mengakses bahan pembelajaran dan seterusnya mewujudkan sikap positif dalam kalangan pelajar. Hasil kajian juga mendedahkan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah memperoleh populariti yang besar dalam kalangan pelajar, dengan kebebasan yang lebih luas untuk berkomunikasi dengan pensyarah dan rakan pelajar mereka, serta penglibatan diri mereka terhadap kandungan pembelajaran dan fleksibiliti yang disediakan dalam kelas secara dalam talian telah menarik perhatian mereka.

Persepsi dan penerimaan pembelajaran dalam talian oleh pelajar menunjukkan sebahagian besar pelajar menerima secara positif teknologi digital sebagai alat untuk tujuan pendidikan. Menerusi kajian ini, institusi pengajian tinggi dapat lebih memahami faktor dan cabaran yang mempengaruhi penerimaan sistem pembelajaran dalam talian sebagai kaedah pengajaran. Oleh itu, usaha

sewajarnya perlu diambil oleh pihak berkepentingan (pihak universiti, akademik dan badan kerajaan) untuk pembangunan strategi bagi pelaksanaan pembelajaran dalam talian dan meningkatkan kualiti pembelajaran digital bagi membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka sepanjang tempoh pandemik Covid-19 yang masih meruncing.

Selain itu, dapatan kajian ini memberi maklumat tambahan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan dasar dan struktur kurikulum program. Namun, faktor lain dan siasatan lanjutan diperlukan untuk memperoleh data yang lebih teliti. Isu fasiliti seperti kekurangan komputer, ruangan makmal komputer, kesukaran teknikal dan sambungan rangkaian Internet adalah isu yang perlu dikaji bagi meningkatkan penerimaan pembelajaran dalam talian berdasarkan keadaan semasa. Penelitian lanjut berkenaan demografi pelajar dan cita rasa pelajar diperlukan dalam membantu meningkatkan pengalaman pelajar secara menyeluruh terhadap kursus dalam talian. Dari segi pengajaran, para pensyarah diharapkan dapat menambah baik kaedah pengajaran dalam talian dengan model dan pendekatan lain bagi memberikan kepelbagai dan menarik minat belajar dalam usaha meningkatkan motivasi dan ketersediaan pelajar untuk belajar secara dalam talian. Sebuah kerangka kerja yang mampu menyepakukna kaedah pembelajaran dalam talian dan sikap proaktif diperlukan bagi memastikan kaedah pembelajaran dalam talian lebih efektif.

RUJUKAN

- Foo, J. (2021). PKPPUMS memperkasakan PDP kursus kokurikulum berkredit. *Borneo Daily Bulletin*. https://www.borneodailybulletin.com/pkppums-memperkasakan-pdp-kursus-kokurikulum-berkredit/?fbclid=IwAR3_KJFEVwZro9abL-MhfwsFzOlez6H7xa2AsoILcdber4srdeapLyKzADA
- Lilian, L, Victor, P. Chia, E, & Jasni, D. (2021). Effective social media features as strategy platform teaching and learning during the Movement Control Order (MCO) period. *Turkish Journal of Physiotherapy and Rehabilitation*, 32, 3.
- Pangayan, V. B. (2021). Pandemic COVID-19 and E-Learning in higher education: Creative art student's experiences. In M. Shelley, I. Chiang, & O. T. Ozturk (Eds.), *International Conference on Research in Education and Science* (pp. 98–107). ISTES Organization.
- PKPP. (2012). Pengenalan pusat kokurikulum dan pemajuan pelajar. Universiti Malaysia Sabah. <https://www.ums.edu.my/pkppv2/index.php/ms/pkpp/intro>
- PKPP. (2015). *Visi dan misi pusat kokurikulum dan pemajuan pelajar*. Universiti Malaysia Sabah. <https://www.ums.edu.my/pkppv2/index.php/ms/pkpp/visi-misi>
- Talha, R. (2020). *Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia*. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter2020/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf
- World Health Organization (WHO). (2021). *WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard*. WHO. <https://covid19.who.int/>

